

AMALAN KHURAFAT WANITA HAMIL BERKAITAN BAYI

PREGNANT WOMEN'S SUPERSTITIONS RELATING TO BABY

Rahmat Abdullah^{1*}

¹Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Kuala Langat, Malaysia.

(E-mail: rahmataabdullah.eme@gmail.com)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Abdullah, R. (2024). Amalan Khurafat Wanita Hamil Berkaitan Bayi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 16 – 27.

Abstrak: *Petua dan pantang larang masyarakat Melayu banyak dipengaruhi dengan fahaman Animisme-Dinamisme dan Hinduisme-Buddhisme lebih-lebih lagi berkaitan bayi sebelum kedatangan ajaran Islam di Tanah Melayu. Kejernihan Islam mengembalikan semula akidah masyarakat ke jalan yang benar dan sekaligus tidak menolak sebarang budaya Melayu asalkan ianya tiada berkaitan dengan amalan khurafat. Kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan khurafat wanita hamil dalam kalangan masyarakat Melayu berkaitan bayi semasa menjalani proses kehamilan (sebelum bersalin). Pada masa yang sama, ianya juga akan menilai tahap kefahaman wanita hamil berkaitan amalan khurafat terhadap bayi. Responden adalah terdiri daripada 45 orang wanita Melayu yang tinggal di Melaka. Analisis data menggunakan kaedah peratusan melalui perisian Microsoft Excel dengan mengajukan soal selidik amalan khurafat berkaitan bayi samaada pernah melakukan atau tidak pernah melakukan kepada wanita hamil semasa melalui tempoh kehamilan. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat 4 amalan khurafat wanita hamil berkaitan bayi dalam kalangan masyarakat Melayu. Amalan membawa gunting ketika hamil dengan tujuan mengelak daripada dihampiri syaitan menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 71% manakala amalan “baby shower” dan dilarang bersetubuh dengan suami ketika kandungan berusia tujuh bulan menunjukkan peratusan yang terendah iaitu sebanyak 6.7%. Kefahaman ibu hamil tentang amalan khurafat berkaitan bayi berada pada tahap tinggi.*

Kata Kunci: *Amalan Khurafat, Wanita Hamil, Bayi, Melaka.*

Abstract: *The tips and taboos of the Malay community are heavily influenced by the concepts of Animism-Dynamism and Hinduism-Buddhism, especially regarding babies before the arrival of Islamic teachings in Malaya. The clarity of Islam restores the faith of the community to the right path and at the same time does not reject any Malay culture as long as it is not related to superstitious practices. This paper aims to identify the superstitious practices of pregnant women among the Malay community regarding babies during the pregnancy process (before delivery). At the same time, it will also assess the level of understanding of pregnant women regarding superstitious practices against babies. The respondents consisted of 45 Malay women living in Malacca. Data analysis using the percentage method through Microsoft Excel software by submitting a questionnaire on superstitious practices related to babies whether they have ever performed or never performed on pregnant women during the pregnancy period.*

Findings show that there are 4 superstitious practices of pregnant women related to babies among the Malay community. The practice of carrying scissors when pregnant with the aim of avoiding being approached by the devil shows the highest percentage of 71% while the practice of "baby showers" and being forbidden to have sex with the husband when the pregnancy is seven months old shows the lowest percentage of 6.7%. Pregnant women's understanding of superstitious practices related to babies is at a high level.

Keywords: *Superstitious Practices, Pregnant Women, Babies, Malacca.*

Pengenalan

Amalan ialah sesuatu kebiasaan yang dilakukan (Dewan, 2005). Ianya mengambil kira perbuatan yang dilakukan dahulu, kini dan akan datang. Namun kepercayaan khurafat menjadikan amalan yang diamalkan menjadi salah dari pelbagai aspek. Contohnya uri bayi dari sudut sains adalah satu gumpalan darah (plasenta) yang membekalkan makanan kepada bayi semasa di dalam kandungan. Pada asalnya tidak menjadi kesalahan sekiranya uri bayi ditanam seperti bangkai yang lain. Namun kepercayaan khurafat menterjemahkan bahawa uri bayi adalah "abang atau kakak" kepada bayi yang rela berkorban demi membenarkan adiknya lahir ke dunia (Ramli, Kamaruddin & Abdul Wahab, 2019). Memuliakan uri dengan pelbagai bentuk upacara dan menanam uri dengan pelbagai bahan berunsurkan pelbagai kepercayaan lain serta meniru agama lain tidak dibenarkan di dalam Islam. Di sinilah titik noktahnya berpisah kerana ianya melibatkan akidah bagi seseorang yang memeluk agama Islam.

Sorotan Literatur

Khurafat adalah satu topik yang sangat luas dan besar untuk diperbahaskan. Ianya merangkumi semua aspek yang bersalahan dengan hukum asas Islam. Dalam erti kata lain, setiap perbuatan yang tidak terdapat di dalam Islam dan dijadikan rujukan dan panduan di dalam Islam adalah termasuk di dalam amalan khurafat.

Perkara khurafat utama wanita ketika hamil buat kali pertama adalah dengan mengamalkan petua lenggang perut. Artikel Ahmad *et al.* (2015) yang bertajuk Adat Melenggang Perut: Antara Adat dan Islam memfokuskan bahawa melenggang perut termasuk di dalam perkara khurafat kerana terdapat di dalamnya ritual agama Hindu. Ibu yang hamil akan diandam pada usia kandungan 7 bulan, dipakaikan dengan tujuh lapisan warna kain, dipilih tarikh yang tertentu untuk melakukan upacara "lenggang perut" dan ditilik jantina anak di dalam kandungan oleh bidan dengan bacaan mentera dan jampi serapah serta beranggapan bahawa upacara ini adalah untuk memastikan ibu dapat melahirkan anak dengan selamat. Dapatan kajian telah merumuskan bahawa adat yang bercampur dengan khurafat perlulah ditinggalkan kerana bertentangan dengan akidah Islam yang sebenar. Zaman telah berubah menjadikan masyarakat Islam kini menyedari bahawa adat melenggang perut termasuk di dalam amalan khurafat dan kian dijauhkan oleh masyarakat Melayu. Walaupun pada asalnya alasan yang diberikan adalah salah satu cara ikhtiar dan usaha untuk menenangkan ibu agar tenang di dalam proses kelahiran anak pertama, namun perbuatan yang dilakukan tetap terpesong daripada akidah Islam sebenar kerana terdapat pergantungan dan tilikan selain daripada Allah dengan jampi dan mentera (Rahman, 1995).

Dalam kajian Ginting & Munthe (2021) yang bertajuk Tinjauan Dogmatis Mengenai Penggunaan Anti Palasik Sebagai Media Pelindung Diri Di GBKP Runggun Kabantua membahaskan tentang wanita yang membawa gunting ketika hamil dapat menjauhkan diri

daripada diganggu oleh roh dan anasir jahat. Kajian yang dijalankan di dalam bentuk kualitatif ini mengeluarkan hasil dapatan yang bertentangan dengan pegangan ahli kitab iaitu meyakini bahawa pelindung sebenar adalah Allah S.W.T. Justeru itu, tradisi yang diamalkan oleh masyarakat karo mempunyai unsur khurafat di dalam kepercayaan agama Kristian.

Menurut kajian Zainal (2021), istilah mandi 7 bulan atau “*baby shower*” adalah bertujuan untuk mendapat keselamatan bagi ibu hamil dan juga bayi supaya mudah melalui proses bersalin. Dalam kajian yang bertajuk Tinjauan Islam Terhadap Pelaksanaan Tradisi Mandi Tujuh Bulanan Suku Melayu Di Kelurahan Tungkal Harapan Kecamatan Tungkal Ilir memfokuskan tentang adat dan syariat yang dibenarkan di dalam majlis tersebut dengan mengadakan bacaan al-Quran dan doa selamat. Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk kualitatif. Dapatan kajian telah merumuskan bahawa majlis mandi 7 bulan boleh di terima di dalam Islam sekiranya tidak bercampur dengan unsur syirik kepada Allah.

Menurut kajian Abdullah (2023), mandi 7 bulan ini adalah untuk kali pertama kehamilan. Ibu akan dimandikan di khalayak ramai untuk memohon semangat dan kemudahan di dalam melalui proses kelahiran. Kajian yang bertajuk Amalan Dan Kepercayaan Khurafat Wanita Hamil Dan Bersalin Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Berkaitan Bomoh memfokuskan tentang adat tersebut menyerupai amalan agama Hindu. Penulis menyatakan bahawa setiap adat yang menyerupai agama lain tidak boleh diamalkan oleh masyarakat Melayu.

Artikel Jurnal yang telah ditulis oleh Namuwali & Agustine (2017) telah membincangkan tentang amalan dilarang bersetubuh dengan isteri ketika kandungan isteri mencecah usia 7 bulan. Kajian yang bertajuk Tantangan Revolusi Kesehatan Ibu Dan Anak (Kia) Dalam Budaya Sumba Timur membicarakan perihal ibu hamil dan masalah kesihatan ketika kehamilan serta rujukan para ibu ketika hamil. Kajian dijalankan di dalam bentuk kualitatif. Dapatan kajian memfokuskan kepada ibu hamil yang masih berjumpa dukun untuk berurut dan mendapatkan nasihat berkaitan perihal proses kehamilan dan bayi dalam kandungan. Ibu hamil dilarang bersetubuh dengan suami kerana dikhuatiri anak yang bakal lahir akan cacat serta menghadapi kesusahan semasa bersalin. Ini bertentangan dengan konsep akidah Islam yang sebenar. Perkara ini termasuk di dalam amalan khurafat yang direka-reka tanpa ada justifikasi dan nas yang kukuh daripada Al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad S.A.W serta daripada aspek sains perubatan dan kesihatan.

Metodologi

Kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk kuantitatif. Berserta dengan itu juga, pengkaji menerangkan reka bentuk kajian, teknik persampelan, kaedah pengumpulan data, dan analisis data. Data sangat mudah dikumpul melalui kaedah kuantitatif, malahan kaedah tinjauan adalah satu-satunya cara yang paling popular di dalam bidang sains sosial (Chua, 2004). Menurut Creswell (2005) amalan dan kepercayaan yang akan dikaji oleh pengkaji sangat selari dengan kaedah tinjauan kerana dapatan data dapat merungkai keseluruhan aspek yang merangkumi persepsi, pendapat individu, sikap, pendirian, perlakuan serta personaliti responden.

Bagi menjawab soalan kajian, pengkaji telah menyenaraikan 4 perkara khurafat terhadap bayi yang pernah diamalkan di dalam masyarakat Melayu daripada ujian *preliminary-test* (telah dijalankan di Melaka Tengah secara rawak terhadap ibu-ibu yang pernah hamil). Sehubungan dengan itu, pengkaji memberikan soalan berbentuk pilihan sama ada pernah melakukan atau tidak pernah melakukan perkara khurafat terhadap bayi semasa melalui proses kehamilan.

Pengkaji menggunakan data peratusan untuk menjawab soalan berkaitan senarai amalan-amalan khurafat yang pernah dilakukan oleh masyarakat Melayu Islam di Melaka Tengah. Ini kerana huraian peratusan lebih tepat untuk membuktikan berapa ramai bilangan yang masih melakukan amalan khurafat terhadap bayi semasa di dalam proses kehamilan.

Walaupun terdapat kaedah yang moden iaitu dengan membuat satu borang soal selidik melalui “Google Form”, namun pengkaji khawatir dan meragui kesahan dapatan hasil data kerana tidak dapat mengetahui dengan jelas siapakah yang menjawab soal selidik tersebut. Justeru itu, pengkaji memilih untuk mengedarkan soal selidik dari rumah ke rumah di Melaka Tengah menggunakan cara bersemuka agar dapatan kajian diperoleh dengan tepat serta pengkaji dapat mengkaji jumlah sebenar responden kerana kebarangkalian terdapat penambahan mahupun pengurangan responden di atas dua faktor iaitu telah berpindah dan mati serta kebarangkalian soal selidik dijawab oleh orang lain yang tidak berkaitan dengan responden sebenar.

Populasi masyarakat Melayu Melaka Tengah adalah seramai 6,800 orang menurut data yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka bagi tahun 2020 (bancian di jalankan setiap 5 tahun). Daripada jumlah di atas seramai 3500 orang adalah lelaki dan 3,300 orang adalah wanita. Seramai 872 orang adalah dikalangan wanita yang bukan Islam manakala selebihnya adalah wanita Islam. Daripada 2,428 orang wanita itu, seramai 45 orang adalah termasuk dikalangan wanita yang sudah berkahwin dan mempunyai anak di Melaka Tengah. Umur responden adalah bermula daripada 25 tahun sehingga 85 tahun. Pengkaji menggunakan sampel populasi berdasarkan kaedah persampelan *Krejcie and Morgan* (1970) yang menunjukkan 95 peratus ketepatan bagi jumlah responden sebanyak 40 orang wanita sahaja. Justeru itu, jumlah 45 orang wanita yang bakal menjawab soal selidik yang akan diberikan oleh pengkaji, maka hanya 40 orang wanita sahaja yang menjawab sudah memadai untuk membuktikan ketepatan kajian.

Analisis Data, Dapatan dan Perbincangan

Jadual 1: Distribusi umum responden berdasarkan kriteria

| | Kriteria Responden | N | Peratusan (%) |
|----------------------|--------------------|----|---------------|
| Umur | 20 – 29 tahun | 3 | 6.7 |
| | 30 – 39 tahun | 8 | 17.8 |
| | 40 – 49 tahun | 10 | 22.2 |
| | 50 – 59 tahun | 6 | 13.3 |
| | 60 tahun ke atas | 18 | 40.0 |
| | Jumlah | | 45 |
| Pendidikan | Sekolah Rendah | 25 | 55.6 |
| | Sekolah Menengah | 6 | 13.3 |
| | SPM | 11 | 24.4 |
| | Diploma | 3 | 6.7 |
| | Jumlah | | 45 |
| Bilangan Anak | 1 Orang Anak | 7 | 15.5 |
| | 2 Orang Anak | 12 | 26.7 |
| | 3 Orang Anak | 5 | 11.1 |
| | 4 Orang Anak | 3 | 6.7 |
| | 5 Orang Anak | 8 | 17.8 |
| | 6 Orang Anak | 10 | 22.2 |
| Jumlah | | 45 | 100 |

Berdasarkan daripada jadual 1 di atas, menunjukkan bahawa sebahagian besar responden iaitu (40%) mewakili 18 orang responden adalah terdiri daripada umur 60 tahun dan ke atas. Majoriti responden adalah terdiri daripada warga emas. Jumlah responden yang terendah adalah daripada usia 20 sehingga 29 tahun yang terdiri daripada 3 orang wanita yang pernah hamil dengan peratusan sebanyak 6.7%.

Taraf pendidikan tertinggi yang teramai dikalangan responden adalah daripada golongan yang mendapat pendidikan hanya sekadar sekolah rendah iaitu seramai 25 orang mewakili 55.6%. Ini bermakna, lebih daripada separuh responden yang tidak menyambung pelajar ke sekolah menengah selepas tamat daripada sekolah rendah (mendapat pendidikan bermula seawal 6 tahun sehingga 12 tahun sahaja). Jadual 1 juga merujuk kepada responden yang mempunyai tahap pendidikan tertinggi, iaitu daripada golongan yang mempunyai diploma. Namun hanya 3 orang responden sahaja membawa kepada 6.7% yang mempunyai diploma daripada pelbagai bidang yang diceburi. Responden yang terendah adalah merupakan daripada golongan pelajar lepasan diploma.

Responden yang pernah melahirkan anak seramai 2 orang membawa kepada jumlah peratusan tertinggi iaitu 26.7% mewakili 12 orang responden. Jumlah kedua tertinggi adalah daripada kalangan responden yang pernah hamil dan melahirkan anak seramai 6 orang anak dan ke atas iaitu mewakili 22.2% yang berjumlah seramai 10 orang responden. Berdasarkan kepada jumlah ini, jangkaan awal pengkaji mendapati bahawa amalan khurafat terhadap bayi masih banyak dilakukan dan berulang kali berdasarkan kepada jumlah wanita yang pernah hamil lebih daripada sekali. Rumusan awal mendapati kebarangkalian wanita hamil melakukan amalan khurafat lebih daripada sekali (semasa kehamilan dan melahirkan) adalah sangat tinggi. Peratusan terendah adalah sebanyak 6.7% iaitu mewakili 3 orang wanita yang pernah hamil dan melahirkan anak seramai 4 orang. Tidak terkecuali, golongan peratusan terendah ini juga (walaupun hanya 3 orang responden), pernah melakukan amalan khurafat lebih daripada sekali semasa proses kehamilan dan kelahiran bayi.

Justeru itu, hasil dapatan kajian pengkaji adalah sangat relevan untuk dibahaskan dan dibincangkan kerana terdapat amalan khurafat terhadap bayi yang masih diamalkan di Melaka Tengah, Melaka daripada pelbagai lapisan generasi wanita yang pernah hamil seawal 20 tahun sehingga kepada warga emas dan ke atas. Kajian juga dapat membuktikan bahawa golongan yang berpendidikan tinggi masih lagi mengamalkan amalan khurafat terhadap bayi selain daripada golongan yang berpendidikan rendah. Jumlah anak yang dikandung dan dilahirkan juga menunjukkan bahawa ibu hamil melakukan khurafat secara berterusan dan lebih daripada sekali proses kehamilan dan kelahiran.

Jadual 2: Distribusi amalan membawa gunting ketika hamil dengan tujuan mengelak dari dihampiri syaitan dalam kalangan responden

| Membawa gunting | N | Peratusan (%) |
|------------------------|----|---------------|
| Pernah melakukan | 32 | 71 |
| Tidak pernah melakukan | 13 | 29 |
| Jumlah | 45 | 100 |

Berdasarkan daripada jadual 2 di atas, hasil dapatan pengkaji menunjukkan bahawa terdapat responden yang membawa gunting, jarum dan benda-benda tajam di dalam beg ketika keluar daripada rumah dengan mempercayai bahawa terhindar daripada gangguan syaitan (Ginting &

Munthe, 2021). Terdapat 71% bersamaan dengan 32 orang ibu hamil yang pernah melakukan perkara ini. Umur responden adalah diantara 40 tahun sehingga 60 tahun dan ke atas.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa masih terdapat lagi responden yang mempercayai bahawa benda-benda tajam dapat mengelakkan diri daripada dihampiri oleh syaitan (Salamah, 2018) atau kuasa ghaib yang bertujuan untuk mengganggu wanita yang sedang hamil (Trisanti & Khoirunnisa, 2019) atau sebagai satu cara untuk menolak bala (Purwandari & Sari, 2021). Syaitan adalah makhluk halus yang jahat menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat.

Perbincangan

Pada dasarnya, manusia tidak dapat melihat makhluk halus (jin dan syaitan) kerana unsur kejadiannya berbeza (daripada api). Justeru itu, tidak ada justifikasi yang membenarkan kenyataan bahawa alatan tajam dapat menghindarkan diri daripada dihampiri syaitan. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud;

“Wahai anak cucu Adam! janganlah sekali-kali kamu tertipu oleh syaitan sebagaimana halnya dia (syaitan) telah mengeluarkan ibu bapamu daripada syurga, dengan menanggalkan pakaian kedua-duanya untuk memperlihatkan auratnya. Sesungguhnya dia dan pengikut-pengikutnya dapat melihat kamu daripada suatu tempat yang kamu tidak boleh melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu pemimpin bagi orang-orang yang tidak beriman.”

(Surah al-A'raf, 7:27)

Selama penelitian pengkaji di dalam tajuk ini, pengkaji mendapati bahawa adat membawa gunting ketika hamil ini adalah daripada perbuatan beberapa suku kaum yang terdapat di Indonesia (Kasnodihardjo & Kristiana, 2013). Masyarakat Melayu di Indonesia juga menganggap perkara ini adalah sebagai satu adat dan budaya (Kartikowati & Hidir, 2014). Ianya juga dianggap mitos oleh beberapa pengkaji (Alivia, 2021), (Iffah *et. al.*, 2020), (Komalasari, Bukhori & Dina, 2015), (Untari & Mayasari, 2015). Justeru itu, pengkaji beranggapan bahawa meniru perbuatan sesuatu kaum yang tidak berasaskan dalil serta bercanggah dengan syarak (mitos) adalah dilarang sama sekali untuk diamalkan oleh orang Islam. Hukumnya adalah haram di sisi agama Islam. Ini bertepatan dengan Sabda Nabi Muhammad S.A.W yang mafhumnya;

“Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk di kalangan mereka.”

(Riwayat Imam Abu Daud, 4031)

Hasil kajian juga mendapati bahawa kepercayaan ibu hamil terhadap gunting dan benda-benda tajam seperti jarum peniti serta berpaut dan beriktikad bahawa benda tersebut mampu melindungi diri dan bayi yang dikandung daripada gangguan makhluk halus adalah satu daripada adat yang bercanggah dengan hukum syarak. Ini kerana, segala bentuk pengharapan dan sandaran perlulah dipanjatkan kepada Allah semata-mata dalam bentuk doa. Bukan itu sahaja, bahkan ikhtiar yang dilakukan mestilah tidak merubah iktikad yang tidak bertentangan dengan syarak dibenarkan di dalam Islam. Sebagai contoh pesakit perlulah merawat sakitnya dengan berjumpa doktor. Justeru itu, ubat yang diberikan bukanlah penyebab kesembuhan melainkan ianya salah satu wasilah untuk mencapai kesembuhan. Pernyataan ini jelas menggambarkan bahawa sandaran atau tawakal kepada Allah akan membawa seseorang itu

terhindar daripada perbuatan syirik. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud;

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni (dosa) kerana mempersekutukan-Nya (syirik) dan Dia mengampuni apa (dosa) selain (syirik) itu bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Barangsiapa mempersekutukan Allah, maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa besar.”

(Surah al-Nisa’, 4:48)

Syaitan dan jin senantiasa akan menghasut manusia untuk melakukan perkara khurafat. Tidak terkecuali juga ibu hamil yang sedang bergelut dengan emosi ketika menempuhi fasa kehamilan. Justeru itu, pelbagai anggapan pelik dan perilaku diterima oleh akal namun tidak berlandaskan syariat akan menggoda supaya ibu hamil membuat sesuatu perbuatan yang boleh dianggap baik tetapi tidak memberikan apa-apa faedah. Umpamanya memakan daging lembu mentah ketika hamil dengan alasan anak di dalam kandungan mengidam untuk memakan sesuatu yang jarang dibuat ketika di luar kehamilan. Pada hakikatnya tidak salah untuk memakan daging lembu. Namun dari segi syariatnya, telah bertentangan dengan hukum syarak kerana dimakan dalam keadaan tidak dimasak (mentah). Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

“Dan jika syaitan datang menggodamu, maka berlindunglah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-A’raf, 7:200)

Rumusan pengkaji mendapati bahawa membawa gunting atau benda tajam (jarum) bagi ibu hamil dengan iktikad bahawa dapat mengelakkan diri dan bayi dalam kandungan daripada dihampiri syaitan adalah satu perkara yang bertentangan dengan syarak. Justeru itu, perbuatan ini perlulah di jauhi kerana membawa kepada kesyirikan kepada Allah S.W.T.

Jadual 3: Distribusi amalan “baby shower” (ibu dan bayi dalam kandungan dimandikan dengan tujuan selamat sehingga bersalin) dalam kalangan responden

| Majlis “baby shower” | N | Peratusan (%) |
|------------------------|----|---------------|
| Pernah melakukan | 3 | 6.7 |
| Tidak pernah melakukan | 42 | 93.3 |
| Jumlah | 45 | 100 |

Berdasarkan kepada jadual 3 di atas, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majlis memandikan janin dan ibu pernah diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu mewakili 6.7% daripada keseluruhan responden berjumlah seramai 3 orang. Walaupun jumlah responden yang melakukannya terlalu sedikit, namun aktiviti ini pernah dan masih dilakukan di negeri Melaka. Adat seolah-olah menyatakan bahawa “baby shower” dibuat adalah bertujuan supaya menghilangkan rasa gemuruh ibu hamil untuk bersalin anak yang pertama atau sebagai satu ikhtiar agar upacara yang dibuat menjadi salah satu sebab bagi memudahkan ibu hamil bersalin (Zainal, 2021).

Perlakuan ini adalah sama dengan perbuatan sesetengah agama yang telah diamalkan oleh masyarakat zaman dahulu. Masyarakat yang mempercayai semangat hutan dan juga agama Hindu masih lagi mengamalkan upacara seperti ini.

Perbincangan

Terdapat pelbagai bahan yang wajib disediakan sebelum proses mandi “baby Shower” ini berlaku. Bahan utamanya adalah setempayan air mandian yang dicampur dengan pelbagai jenis bunga. Bahan seterusnya adalah dua batang lilin, kain batik lepas yang belum berjahit, limau nipis, kelapa tua yang telah dikupas, buah pinang yang telah dimayang serta tepung tawar. Upacara mandi ini dilakukan di luar rumah (menghadap pintu rumah) sambil diperhatikan oleh tetamu yang hadir. Wanita hamil (7 bulan) akan dipakaikan pakaian batik lepas yang belum berjahit dengan kepercayaan tertentu (agar wanita bersalin dengan mudah), kain sarung dengan kepercayaan tertentu (supaya bayi yang bakal lahir tidak mempunyai bulu roma yang lebat), nyalaan lilin dengan kepercayaan tertentu (supaya bayi yang akan lahir mudah keluar kerana mendapati cahaya), digolekkan telur ayam dari badan wanita hamil dengan kepercayaan tertentu (supaya anak yang akan lahir nanti mudah melorot keluar dari rahim ibunya) dan dimandikan supaya ibu dan bayi segar dan mudah melalui proses kehamilan (Paul, Hamzah & Hamid, 2019).

Perbuatan mandi 7 bulan ini kebiasaanya akan dilakukan oleh bidan kampung yang mengamalkan jampi serapah dan kepercayaan tertentu serta boleh mengetahui sesuatu nasib yang bakal dilalui oleh ibu hamil dengan berdasarkan petunjuk daripada buah kelapa tua, buah pinang dan telur ayam. Ini bertepatan dengan maksud Hadis Nabi Muhammad S.A.W yang telah diriwayatkan daripada Ibnu Umar dengan mafhumnya;

“Barangsiapa yang meniru suatu kaum, maka mereka termasuk dikalangan mereka”

(Riwayat Imam Abu Daud, 4031)

Rumusan pengkaji mendapati bahawa mandi 7 bulan bagi ibu hamil adalah termasuk daripada perkara khurafat kerana terdapat padanya unsur syirik dan meniru upacara ritual agama Hindu dan kepercayaan Animisme. Justeru itu, perbuatan ini perlulah dijauhi kerana membawa kepada kesyirikan kepada Allah S.W.T.

Jadual 4: Distribusi dilarang bersetubuh dengan suami ketika kandungan berusia 7 bulan dalam kalangan responden

| Larangan bersetubuh | N | Peratusan (%) |
|------------------------|----|---------------|
| Pernah melakukan | 3 | 6.7 |
| Tidak pernah melakukan | 42 | 93.3 |
| Jumlah | 45 | 100 |

Berdasarkan daripada jadual di atas, terdapat 3 orang responden yang mewakili 6.7% mempercayai bahawa bersetubuh dengan suami ketika kandungan berusia 7 bulan boleh membawa kepada cacat janin di dalam kandungan. Manakala seramai 42 orang responden yang mewakili 93.3 peratus tidak mempercayainya. Terdapat larangan suami untuk bersetubuh dengan isteri bermula daripada usia kandungan 4 bulan sehingga kelahiran menurut (Namuwali & Augustine, 2017). Ianya bertujuan supaya anak yang dilahirkan tidak cacat. Hal ini terjadi kerana dikhuatiri kekerapan melakukan hubungan badan akan menyebabkan benih di dalam rahim ibu hamil tidak terbentuk dengan sempurna dan cacat. Begitu juga, sebahagian besar ibu hamil berpendapat bahawa kekerapan melakukan persetubuhan akan menyebabkan gangguan terhadap pembentukan janin di dalam rahim (Pebrina, 2017).

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka setubuh berasal daripada perkataan tubuh yang membawa maksud melakukan hubungan jenis/ kelamin, bersenggama, berjimak dan meniduri.

Perbincangan

Tidak ada satu teori atau andaian yang relevan berkenaan perkara ini kerana benih yang telah disenyawakan di dalam rahim ibu hamil adalah suatu ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Telah berfirman Allah S.W.T di dalam dua ayat yang berbeza namun saling menguatkan antara satu sama lain membawa maksud;

“ Dan Allah menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada air mani, kemudian Dia menjadikan kamu berpasangan (lelaki dan perempuan). Tidak ada seorang perempuan pun yang mengandung dan melahirkan melainkan dalam pengetahuanNya. Dan tidak dipanjangkan umur seseorang dan tidak pula dikurangkan umurnya, melainkan (sudah ditetapkan) dalam Kitab (Luh Mahfuz). Sesungguhnya yang demikian itu mudah bagi Allah.”

(Surah Fatir, 35:11)

dan

“Isteri-isterimu adalah ladang bagimu, maka datangilah ladangmu itu bila-bila sahaja dengan cara yang kamu sukai. Dan utamakanlah (yang baik) untuk dirimu. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu (kelak) akan menemuiNya. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang beriman.”

(Surah al-Baqarah, 2:223)

Berdasarkan kepada dua ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa tiada larangan kepada suami untuk mendatangi isterinya pada masa dan ketika yang dikehendaki kecuali ketika isteri sedang haid. Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

“Dan mereka bertanya kepadamu (Muhammad) tentang haid. Katakanlah, ‘itu adalah sesuatu yang kotor.’ Oleh kerana itu, jauhilah isteri kamu pada waktu haid dan jangan kamu dekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, gaulilah mereka sesuai dengan (ketentuan) yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya, Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri.”

(Surah al-Baqarah, 2:222)

Kefahaman pengkaji menunjukkan bahawa persetubuhan suami dan isteri tidak di haramkan kecuali di dalam ihram (Hidayat & Nasrulloh, 2017). Justeru itu, pengkaji merasakan bahawa adat yang diamalkan ini tidak bertepatan dengan syarak. Rumusan pengkaji cenderung menyatakan bahawa adat dilarang bersetubuh dengan suami ketika usia kehamilan 7 bulan adalah bertentangan dengan syarak. Amalan dan kepercayaan ini perlulah dijauhkan kerana boleh menggugat iman dan membawa kepada kepercayaan yang salah terhadap isteri, suami dan juga anak yang berada di dalam kandungan.

Tahap Kefahaman Wanita Hamil Berkaitan Amalan Khurafat Terhadap Bayi

Jadual 5: Rumusan keseluruhan Amalan Khurafat Suami Terhadap Bayi Selepas Isteri Bersalin

| Bil | Perkara | Pernah Melakukan | Peratus | Tidak Pernah Melakukan | Peratusan |
|-----|--|------------------|---------|------------------------|-----------|
| 1. | Amalan membawa gunting ketika hamil dengan tujuan mengelak dari dihampiri syaitan | 32 | 71 | 13 | 29 |
| 2. | Amalan lenggang perut | 18 | 40 | 27 | 60 |
| 3. | Amalan “baby shower” (ibu dan bayi dalam kandungan dimandikan dengan tujuan selamat sehingga bersalin) | 3 | 6.7 | 42 | 93.3 |
| 4. | Dilarang bersetubuh dengan suami ketika kandungan berusia 7 bulan | 3 | 6.7 | 42 | 93.3 |

Berdasarkan daripada rumusan jadual 5 yang telah pengkaji ringkaskan mendapati bahawa seramai 56 orang (mewakili 56 kali) iaitu 124.4% pernah melakukan amalan khurafat ketika hamil terhadap bayi, manakala 124 orang (mewakili 124 kali) iaitu 275.6% tidak pernah melakukan. Justeru itu, pengkaji melihat bahawa terdapat jurang yang besar sebanyak 151.2% seramai 68 orang (mewakili 68 kali). Sekiranya pengkaji memberi nisbah kepada peratusan dengan cara 1:3 dengan kadar tahap kefahaman (rendah, sederhana dan tinggi), pengkaji mendapati bahawa peratusan yang diperlukan untuk mencapai tahap rendah adalah 400% dibahagi dengan 3 bersamaan 133.3% kebawah. Kadar tahap peratusan sederhana terletak pada nilai 133.4% ke atas sehingga 266.6%. Manakala tahap tinggi terletak pada kadar 266.7% sehingga 400%. Justeru itu, peratusan 124.4% berada pada tahap rendah. Ini bermakna semakin rendah peratus responden melakukan amalan khurafat, maka semakin tinggi tahap kefahaman responden berkaitan amalan khurafat wanita hamil berkaitan bayi. Dengan kaedah pengiraan berdasarkan kepada peratusan dan nisbah ini, pengkaji telah membuktikan bahawa tahap kefahaman wanita hamil berkaitan bayi (responden) berada pada tahap tinggi. Oleh kerana itu, wanita hamil di Melaka dapat menghindarkan diri daripada melakukan amalan khurafat terhadap bayi semasa melayari proses kehamilan walaupun terdapat segelintir yang masih mengamalkan amalan khurafat ketika hamil.

Kesimpulan

Amalan membawa gunting ketika hamil untuk mengelak daripada dihampiri syaitan, lenggang perut, *baby shower* dan amalan dilarang bersetubuh dengan suami ketika kandungan berusia 7 bulan adalah termasuk di dalam perkara khurafat. Ini kerana tidak terdapat dalil daripada Al-Quran dan Hadis yang menyokong amalan tersebut melainkan ianya hanyalah tipu daya syaitan untuk menyesatkan pemikiran dan logik akal manusia. Petua, adat dan pantang larang ini tidak boleh diamalkan dan boleh membawa kepada syirik. Pelakunya perluah bertaubat kerana perbuatan yang membawa kepada syirik mengakibatkannya pelakunya mendapat dosa besar serta akan mengakibatkan pelakunya masuk ke dalam neraka kelak kerana ianya adalah perkara yang melibatkan akidah.

Rujukan

- Al-Quran Tafsir Bil Hadis Multazam*, Hussamuddin Yaacub, (2016), Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Abdullah, R. (2023). Amalan Dan Kepercayaan Khurafat Wanita Hamil Dan Bersalin Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Berkaitan Bomoh. *Jurnal'ulwan*, 8(3), 55-70.
- Ahmad, A. M., Kasim, K., Muhammad, N. N. S., Che Hussain, W. S. E., & Ismail, N. S. A. (2015). Adat melenggang perut: antara adat dan Islam.
- Alivia, M. (2021). Kesehatan Ibu Hamil Dari Perspektif Sosial Culture/Budaya.
- Chua, C. (2004, July). Perception of quality in higher education. In *Proceedings of the Australian universities quality forum* (pp. 1-7). Melbourne: AUQA Occasional Publication.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2005). Mixed methods research: Developments, debates, and dilemmas. *Research in organizations: Foundations and methods of inquiry*, 2,
- Ginting, V. N., & Munthe, P. (2021). Tinjauan Dogmatis Mengenai Penggunaan Anti Palasik Sebagai Media Pelindung Diri Di Gbcp Runggun Kabantua. *Jurnal Sabda Akademika*, 1(2), 84-94.
- Hidayat, M., & Nasrulloh, N. (2017). HUKUM AKAD NIKAH KETIKA IHRAM (Study Komparasi Imam Syafi'i Dengan Imam Abu Hanifah). *Jurnal Al-Wasith: Jurnal Studi Hukum Islam*, 2(1), 1-17.
- Iffah, I., Dewi, N. H. P., & Mariamu, M. (2020). Hubungan pengetahuan dan sikap ibu hamil dengan mitos kehamilan di wilayah kerja UPTD Puskesmas Langsa Barat Kota Langsa. *Serambi Saintia: Jurnal Sains dan Aplikasi*, 8(2), 115-122.
- Kartikowati, S., & Hidir, A. (2014). Sistem kepercayaan di kalangan ibu hamil dalam masyarakat melayu. *Jurnal Paralela*, 1(2), 159-167.
- Kasnodihardjo, K., & Kristiana, L. (2013). Praktek Budaya Perawatan Kehamilan Di DesaGadingsari Yogyakarta. *Indonesian Journal of Reproductive Health*, 4(3), 106736.
- Keempat, K. D. E. (2005). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala lumpur.
- Komalasari, H., Bukhori, A., & Dina, I. S. (2015). Tingkat Pengetahuan Ibu Hamil Tentang Mitos Seputar Kehamilan Di Desa Pegirikan Tahun 2013. *Siklus: Journal Research Midwifery Politeknik Tegal*, 1(2).
- Namuwali, D., & Agustine, U. (2017). Tantangan Revolusi Kesehatan Ibu Dan Anak (Kia) Dalam Budaya Sumba Timur. *Jurnal Penelitian Kesehatan" SUARA FORIKES"(Journal of Health Research" Forikes Voice"*), 9(1),63-73.
- Paul, D., Hamzah, N. S., & Hamid, T. N. A. T. A. (2019). Inteprestasi Ritual Mandi Dalam Kalangan Masyarakat di Malaysia (The Interpretation Of Bathing Rituals Among Malaysian Society). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2).
- Pebrina, M. (2017). Faktor-Faktor Yang Berhubungan Dalam Melakukan Hubungan Seks Pada Ibu Hamil di Klinik Bersalin Mariani Medan. *Jurnal Kesehatan Medika Saintika*,8(1), 17-24.
- Purwandari, G. A., & Sari, R. P. (2021, March). Religious Matters Dalam Bahasa Dan Budaya Tabu Masyarakat Banyumas. In *Prosiding Seminar Nasional LPPM Unsoed* (Vol. 10, No. 1).Sahad, M. N., Abdullah, A. H., & Abdullah, S. (2013). Syarak Mengata Adat Memakai: Review of The Malay Customs Of Perlis From The Perspective Of 'Urf. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6 (1), 34-58.
- Rahman, M. M. A. (1995). Jampi: Satu Kajian Hukum Menurut Al-Sunnah. *Jurnal Usuluddin*, 2, 97-115.
- Ramli, M. A., Kamaruddin, N. K., & Abdul Wahab, R. (2019). Amalan Pengurusan Uri (Plasenta) Pasca Kelahiran Dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Hukum Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Othman, M. (1993). Adat Melenggang Perut di Kalangan Masyarakat Melayu.

- Sahad, M. N., Abdullah, A. H., & Abdullah, S. (2013). Syarak Mengata Adat Memakai: Review of The Malay Customs of Perlis From the Perspective Of'Urf. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(1), 34-58.
- Salamah, A. (2018). *Khurafat Dalam Perspektif Islam (Studi Di Desa Sido Rahayu Kecamatan Abung Semuli Kabupaten Lampung Utara)* (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).
- Trisanti, I., & Khoirunnisa, F. N. (2019). Potret Perilaku Ibu Hamil terkait dengan Kesehatan di Kabupaten Kudus. *Proceeding of the URECOL*, 407-414.
- Untari, I., & Mayasari, S. (2015). Study of developing the myths of pregnancy in BPS Zubaidah.
- Zainal, H. (2021). Tinjauan Islam Terhadap Pelaksanaan Tradisi Mandi Tujuh Bulanan Suku Melayu Di Kelurahan Tungkal Harapan Kecamatan Tungkal Ilir. *At-Tadabbur: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 11(2).